

KDYMM Pemangku Raja Pahang Berkenan Kurnia Darjah Kebesaran, Pingat Kepada 162 Penerima

PEKAN, 8 DISEMBER 2022: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan darjah dan pingat kebesaran kepada 162 penerima.

Majlis istiadat berkenaan telah diadakan sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-63 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang bertempat di Balairung Seri Istana Abu Bakar.

Mendahului senarai penerima ialah Hakim Mahkamah Tinggi Malaya Mahkamah Tinggi Shah Alam, Yang Arif Dato' Indera Abd Halim Aman yang merupakan antara 12 penerima Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato' Sri.

Antara penerima SSAP adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), YBhg. Dato' Azhar Abdul Manaf dan Pengarah Pengurusan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, YH. CP Datuk Zaini Jass.

Seramai empat individu telah dikurnia Darjah Sri Indera Mahkota Pahang (SIMP) yang membawa gelaran Dato' Indera antaranya ialah Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, YBhg. Dato' Dr. Nor Azimi Yunus dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang, YH. Dato' Mahmud Mohd Nawawi.

Manakala seramai 11 penerima pula telah dikurniakan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang membawa gelaran Dato' termasuk kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang, YH. Dato' Dr. Mohd Zakaria Ibrahim dan Datuk Bandar Kuantan, YH. Dato' Hamdan Hussin.

Seramai 45 penerima pula dikurniakan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang turut membawa gelaran Dato' antaranya ialah Pegawai Daerah Jerantut, Puan Khairun Nissa Aris, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Diraja

Malaysia Kontinjen Pahang, SAC Mohd Yusri Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Encik Saiful Zaini Mohd Bokhari.

Bagi Darjah Setia Ahmad Shah Pahang (SAP) pula telah dikurniakan kepada lapan individu, 13 penerima pula dikurniakan Darjah Setia Mahkota Pahang (SMP), sembilan individu pula menerima Darjah Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) dan 15 individu menerima Darjah Ahli Mahkota Pahang (AMP).

Manakala seramai 17 individu menerima Pingat Khidmat Cemerlang (PKC), Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) dikurniakan kepada 14 penerima dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dikurniakan kepada 14 penerima.

Turut bercemar duli Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandarian Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan anakanda-anakanda baginda.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail bersama isteri, Datin Sri Dato' Hajah Burhah Mohammed, YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Salehuddin Ishak, Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Abdul Rahman Osman dan barisan Exco Kerajaan Pahang. -
PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi Dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Fansurina Abdullah

Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi

(LIPUTAN BERGAMBAR)



